



# **MAJLIS PERASMIAN TSB RTP PADANG BESAR, MUKIM JENERI, SIK, KEDAH DARUL AMAN**

## **UCAPAN ALUAN**

**TN. HJ. MOHAMAT BIN MUDA, PENGARAH BTSP  
MEWAKILI KETUA PENGARAH RISDA**

DEWAN SEKOLAH KEBANGSAAN PADANG CHICHAR,  
SIK, KEDAH  
15 JULAI 2009  
2.00 PETANG

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik  
Pengerusi RISDA

Yang Dihormati Tn. Hj. Azmi bin Mohamad  
Pengarh RISDA Negeri Kedah

Yang Dihormati Tn. Hj. Hussaini bi Hj. Ahmad  
Pengerusi TSB RTP

Semua Pegawai RISDA

Serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan peserta TSB RTP Padang Besar  
yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

## **1.0 PENGHARGAAN**

Marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, dapat kita hadir bersama-sama dalam Majlis Perasmian TSB RTP Padang Besar, Sik, Kedah pada hari ini. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan salam daripada Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA yang tidak dapat hadir pada hari ini kerana terlibat dengan urusan rasmi yang lain. Saya juga mengambil kesempatan di sini merakamkan

3

setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik kerana sudi melapangkan masa untuk hadir bersama-sama kita pada hari ini serta merasmikan TSB RTP Padang Besar pada pagi ini. Kita semua berasa bertuah kerana mempunyai pemimpin yang begitu prihatin dan mengambil berat tentang masyarakat luar bandar khususnya pekebun kecil. Kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri, insya'Allah akan menjadi pendorong dan menyemarakkan lagi semangat RISDA serta semua Pekebun Kecil TSB RTP ini untuk terus berusaha bagi meningkatkan dan memperbaiki sosio-ekonomi masyarakat pekebun kecil.

4

Saya juga mengambil peluang di sini untuk mengalu-alukan kehadiran semua jemputan dan peserta TSB RTP. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan menjadi pendorong kepada RISDA untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pekebun kecil.

## **2.0 TUJUAN MAJLIS**

Tujuan Majlis pada hari ini adalah untuk merasmikan Projek RTP ini sebagai satu Projek Tanam Semula Berkelompok atau TSB. Sebagai sebuah TSB, Tuan-Tuan dan Puan-Puan akan berpeluang untuk mendapatkan beberapa keistimewaan daripada RISDA yang akan diumumkan oleh Yang Bhg. Tan Sri Pengerusi

nanti. Sebagai permulaan, pada hari ini, RISDA akan menyampaikan Bantuan Tabung Pelancaran kepada AJK TSB ini sebagai insentif menyertai Program Tanam Semula Berkumpulan. Di samping itu, Penggalak Susu juga akan disampaikan kepada ahli-ahli TSB supaya mereka dapat meningkatkan produktiviti kebun mereka sebelum di tanam semula. Pada hari ini, kita juga akan menyampaikan sedikit sumbangan kepada PIBG Sekolah Kebangsaan Padang Chichar ini sebagai tanda terima kasih atas kerjasama dan kemudahan yang telah diberikan kepada RISDA untuk menjayakan Majlis pada hari ini.

### **3.0 MAKLUMAT TSB RTP**

Untuk makluman Yg. Bhg. Tan Sri, Rancangan Tanah Pinggir ini telah ditubuhkan pada 1991. Bilangan peserta adalah seramai 90 orang dan meliputi 230.9029 hektar. Klon yang ditanam di TSB ini adalah Klon PB 260, PB 235, PM 10 dan RRIM 901 dengan kepadatan pokok 448-538 pokok sehektar. TSB ini telah pun berumur 18 tahun dan boleh di tanam semula pada tahun 2011. Untuk makluman Yg. Bhg. Tan Sri, kesemua 90 orang peserta TSB ini telah menjadi ahli Koperasi Pekebun kecil 100%. Ini adalah satu petanda baik bahawa semua ahli ada kemuafakatan

7

dan ini akan memudahkan pelaksanaan projek Tanam Semula secara berkelompok yang memerlukan kerjasama semua ahli.

### **4.0 PENUTUP**

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana Tuan-tuan dan Puan-puan tentunya sudah tidak sabar lagi untuk mendengar ucapan daripada Pengerusi RISDA yang buat pertama kali berjumpa dengan Tuan-tuan dan Puan-puan pada hari ini. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik, Pengerusi RISDA atas kesudian untuk menghadiri dan merasmikan TSB pada hari ini.

8

Juga terima kasih kepada para jemputan dan peserta- peserta TSB RTP yang hadir. Tidak ketinggalan juga terima kasih kepada Tn Hj. Azmi bin Mohamad, Pengarah RISDA Kedah serta Jawatankuasanya yang telah bekerja keras untuk menjayakan Majlis ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah ,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.**